Arahan: *Jawab* **semua** *soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan* **satu** *soalan daripada Bahagian D.*

## BAHAGIAN A

(25 markah)

1 *Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat* **satu kesalahan bahasa**. **Gariskan kesalahan bahasa** *tersebut dan* **tulis jawapan** *yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Produk berasaskan herba yang dihasilkan syarikat tersebut ialah barang yang paling terlaris dalam ekspo pertanian itu.

_____

(ii) Perdana Menteri telah menghadap Yang Dipertuan Agong bagi mendapatkan persetujuan baginda tentang cadangan pelantikan Gabenor Bank Negara yang baharu.

_____

(iii) Sebelum menemui pengarah Syarikat Bas Ekspres Maju, kami diminta untuk membuat temu janji dan mengisikan maklumat-maklumat lain dalam buku catatan yang tersedia.

_____

(iv) Untuk mengelakkan kemalangan, semua undang-undang jalan raya yang digubal kita perlu patuhi ketika memandu.

_____

(8 markah)

2 *Dalam petikan dialog di bawah, terdapat* **tiga kesalahan ejaan.** *Kenal pasti kesalahan tersebut dan* **tulis** *ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan dialog itu semula.*

Juruacara A : Selamat pagi dan salam sejahtera. Selamat datang ke pertandingan mewarna dwi-tahunan yang dianjurkan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Johor.

Juruacara B : Untuk maklumat para hadirin, peserta pada hari ini terdiri daripada murid-murid tadika dan prasekolah. Aturcara pada hari ini dimulakan dengan taklimat kepada semua peserta yang mengambil bahagian.

Juruacara A : Sementara menunggu para peserta mendengar taklimat di oditorium, wakil peserta sama ada ibu bapa atau penjaga diminta untuk melengkapkan borang penyertaan anak masing-masing.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(3 markah)



LIVEWORKSHEETS